



SIAPA YANG SESUAI BELAJAR KITAB CINTA ALLAH INI?

Pengajian Kitab Cinta ini sangat sesuai buat mereka yang belum tahu bahawa :

- i) cinta makhluk kepada Allah itu memang ada.
- ii) cinta Allah kepada makhluk pun memang ada.
- iii) cinta akan Allah itu wajib, bukan boleh dipilih-pilih.
- iv) jika tidak cinta akan Allah, keadaan itu dimurkai Allah, berdosa.
- v) cinta akan Allah ini ada jalannya dan ada sukatan pelajarannya.
- vi) cinta akan Allah wajiblah melebihi cinta kepada yang lain. Cinta akan Allah wajiblah nombor satu.
- vii) pada peringkat yang lebih tinggi, kita mestilah mencintai Allah sahaja.
- viii) pada peringkat yang lebih tinggi lagi, yang sebenar-benar ada hanyalah cinta Allah sahaja.

- ix) cinta Allah adalah maqam tertinggi dalam perjalanan kerohanian.
- x) cinta akan Allah sangat mustajab untuk mengurangkan bahkan menghilangkan stress, lalu membahagiakan rohani dan jasmani.

Insyaa-Allah dengan mengikuti pengajian Kitab Cinta ini, segala maklumat di atas dapat kita ketahui, kita fahami, kita sedari, kita amalkan, kita hayati dan kita usaha capai.

Kepada yang sudah sedia ada segala yang di atas, maka tidaklah menjadi keperluan untuk mengikuti kuliah Kitab Cinta ini, tetapi bagus juga sebagai ulangkaji dan pemantapan. Mungkin ada juzuk-juzuk halus yang selama ini kita terlepas pandang. Wallahua'alam.

Abu Zulfiqar
15 Oktober 2015

SELAYANG PANDANG PELAJARAN TERDAHULU

Menurut Imam Al-Ghazali, sesiapa yang mencintai selain Allah (iaitu mana-mana makhluk) tetapi tidak terus (tidak tembus) cintanya kepada Allah, orang itu jahil dan lalai dalam ma'rifah.

Seluruh makhluk datang daripada Allah SWT sendiri, diciptakan oleh Allah. Semua kecantikan, kebagusan, keindahan, kehebatan, kebaikan dan seumpamanya adalah daripada Allah sendiri. Oleh itu, sewajibnyalah kita mencintai Pemilik dan Pengurnia itu semua iaitu Allah.

Mencintai yang mencintai itu dicintai.

Contoh : Kita mencintai orang yang mencintai Allah. Perlakuan kita itu dicintai oleh Allah.

Kita mencintai Saiyidina Umar, sedangkan Saiyidina Umar ialah orang yang mencintai Allah. Maka sikap kita mencintai Saiyidina Umar itu dicintai oleh Allah.

Mencintai yang dicintai itu dicintai.

Contoh : Kita mencintai orang yang dicintai oleh Allah iaitu Saiyidina Umar. Sikap kita mencintai Saiyidina Umar itu dicintai oleh Allah.

Dicintai yang dicintai itu dicintai.

Contoh : Kita dicintai oleh Saiyidina Umar, sedangkan Saiyidina Umar itu sendiri dicintai oleh Allah. Oleh kerana Saiyidina Umar suka akan keagamaan kita, maka Allah pun suka akan kita.

DARI SEGI HAKIKATNYA, semua cinta datang daripada Allah. Makhluks langsung tidak ada kuasa atau daya atau perasaan untuk mencintai. Semua perasaan cinta makhluk adalah daripada qudrah Allah SWT. Hanya Dia yang mencintai.

DARI SEGI HAKIKATNYA, hanya ada satu cinta sahaja, iaitu Allah mencintai Diri-Nya sendiri. Yang Dicinta hanya satu, iaitu Allah. Yang mencintai pun hanya satu, iaitu Allah.

Cinta – daripada Allah ia datang, kepada Allah ia kembali.

PADA HAKIKATNYA, tidak ada mana-mana makhluk yang mencintai. Tidak ada mana-mana makhluk yang dicinta. Tidak ada mana-mana makhluk yang bercinta.

Orang SYARIAT mesti sedar bahawa yang paling dicintainya mestilah Allah, kemudian barulah layak untuk dia mencintai selain Allah. Orang SYARIAT HAQIQAT pula mesti sedar bahawa Yang Mencinta hanyalah Allah dan Yang Dicinta hanyalah Allah. Hanya ada satu cinta.

Orang yang sudah ma'rifah diri dan ma'rifah Allah, sudah tentu dia akan sedar bahawa dia tidak mempunyai wujud bagi dirinya.

Hal ini kerana DARI SEGI HAKIKATNYA :

- Segala perbuatannya adalah pekerjaan Allah.
- Segala pengetahuan dan pemikirannya adalah ilmu Allah.
- Segala lintasan hatinya adalah daripada pekerjaan Allah.
- Segala penglihatannya adalah penglihatan Allah.
- Segala pendengarannya adalah pendengaran Allah.
- Segala gerak gerinya adalah pekerjaan dan perlakuan Allah.

Jadi, siapa sebenarnya yang hidup?

Siapa sebenarnya yang wujud?

Kesimpulannya, tidak ada yang sebenar-benar hidup melainkan Allah sahaja. Tidak ada yang sebenar-benar wujud selain Allah sahaja. Yang ada hanya Allah.

Hasilnya, kita tidak lagi berasa pelik apabila mendengar atau membaca kata-kata para ulama terdahulu seperti :

- Tiada Dia melainkan Dia. (kata Imam Al-Ghazali dalam kitabnya Misykat al-Anwar)
- Tiada Yang Disembah selain Dia. Tiada Yang Menyembah selain Dia. (kata Imam Al-Ghazali dalam Misykat al-Anwar)

Kalau bukan kerana Allah, kita tidak ada wujud.

Kalau bukan kerana Allah kita tidak ada hidup.

Kalau bukan kerana Allah, kita tidak ada nyawa.

Kalau bukan kerana Allah, kita tidak ada jasad.

Kalau bukan kerana Allah, kita tidak ada perasaan.

Kalau bukan kerana Allah, kita tidak punya kemampuan berfikir.

Kalau bukan kerana Allah, kita tidak punya SELAIN KITA.

*Cinta itu buahnya ma'rifah.
Lagi sihat pohon ma'rifah,
lagi bagus buah-buah yang dikeluarkannya.
Tidak sihat pohon ma'rifah,
Kurang moleklah buah-buah yang dihasilkannya.*

*Cinta itu buahnya ma'rifah
Sesubur mana pun pohon ma'rifah
tetapi apabila gagal mengeluarkan buah,
apalah ertinya?*

*Maksudnya
apabila kita sudah mendapat ilmu ma'rifatullah,
kita mestilah berusaha
agar berjaya mencapai maqam cinta Allah.*

*Ada ilmu ma'rifah
tetapi gagal mengeluarkan buah cinta,
apalah ertinya?*

Penggunaan contoh, tamsil dan ibarat dalam hal ini.

Apa sahaja contoh2 atau ibarat2 yang dikaitkan dengan Allah, hal itu hanyalah UNTUK MENGHAMPIRKAN KEPADA FAHAM. Jangan sesekali kita merasakan itulah contoh/ibarat yang sebenar. Hal ini kerana tidak ada sebarang contoh/ibarat yang tepat untuk Allah.

Contoh :

Allah dengan makhluk seumpama :

- Matahari dengan sinarnya/cahayanya.
- Kaca dengan gelas.
- Pokok dengan bayang-bayangnya.
- Tubuh dengan bayang-bayang.

PERKONGSIAN UNTUK MALAM INI

(ms 428) Adapun sebab kedua iaitu cinta kepada orang yang berbuat baik kepadanya. Orang itu menolongnya dengan harta, berlemah-lembut dengan dia pada perkataan, dibantunya dengan pertolongan, mengirim pesan untuk menolongnya dan mencegah musuh-musuhnya, bangun dengan menolak kejahatan dari orang-orang jahat daripadanya, bangkit memberi perantaraan kepada semua keuntungan dan maksudnya, pada dirinya, anak-anaknya dan kaum kerabatnya.

Maka orang tersebut sudah pasti menjadi tercinta padanya. Dan dgn sendirinya, menghendaki bahawa ia tidak mencintai selain Allah.

Bahawa jikalau ia mengenal dengan makrifah yang sebenarnya, nescaya ia tahu bahawa **yang berbuat baik kepadanya ialah Allah.**

Adapun berbagai macam ihsanNya kepada setiap hambaNya, maka tidaklah dapat kita menghitungkannya. Kerana tidaklah dia itu diliputi oleh hinggannya orang yang dapat menghinggakan, sebagaimana firman Allah Taala : ***“Dan kalau kamu hitung nikmat Allah, nescaya tidak dapat kamu menghitungnya.”*** (An-Nahl : 18)

Telah kami isyaratkan kepada suatu tepi daripadanya pada Kitab Syukur. Akan tetapi sekarang kami singkatkan kepada penjelasan bahawa al-ihsan dari manusia itu tidak akan tergambar selain dengan majaz (tiada hakikat sebenarnya). Bahawa **yang membuat al-ihsan ialah Allah Taala.**

Marilah kami umpamakan yang demikian, mengenai orang yang menganugerahkan semua isi gudangnya kepada anda. Ia memungkinkan anda dari isi gudang itu, untuk anda pergunakan menurut kehendak anda.

Bahawa anda menyangka al-ihsan ini dari orang itu, adalah keliru. Sesungguhnya bahawa sempurna al-ihsannya dengan dirinya sendiri, dengan hartanya, dengan kemampuannya kepada harta dan dengan pengajaknya, yang menggerakkannya kepada menyerahkan harta kepada anda.

Maka **siapakah** yang menganugerahkan kenikmatan dengan menjadikannya, menjadikan kemampuannya, dan menjadikan kehendak dan pengajaknya?

Siapakah yang mencurahkan kasih sayang orang itu kepada anda, yang memalingkan mukanya kepada anda dan yang menghantarkan pada hatinya bahawa kebaikan agamanya atau dunianya adalah pada berbuat baik kepada anda?

Jikalau tidaklah semua yang demikian, nescaya orang itu tiada akan memberikan sebiji pun dari hartanya kepada anda.

Maka Yang Berbuat Al-Ihsan ialah Yang Memaksakan orang itu, untuk engkau dan yang menyuruhkannya. Yang Menguasakan atas orang itu, pengajak2 yg membangkitkan, yg memaksakan kepada berbuat.

Adapun tangannya, maka menjadi perantaraan, yang sampailah ihsan Allah kepada engkau dengan perantaraan tangan itu. Dan yang empunya tangan itu memerlukan pada yang demikian, sebagaimana diperlukan tempat mengalirnya air, pada mengalirkan air padanya.

Kalau engkau berkeyakinan bahawa orang itu yang berbuat al-ihsan atau engkau berterima kasih kepadanya, dari segi orang itu berbuat ihsan, dengan dirinya sendiri, tidak dari segi dia itu perantaraan, nescaya adalah engkau itu orang bodoh, dengan hakikat persoalan.

(ms 430) Maka sesungguhnya tidaklah tergambar al-ihsan dari manusia, selain kepada dirinya sendiri. Adapun al-ihsan kepada orang lain, maka itu hal yang mustahil dari makhluk manusia. **Kerana ia tidak akan memberikan hartanya, selain kerana aada maksudnya pada memberikan itu.**

Ada kalanya pada masa yang jauh iaitu pahala. Dan ada kalanya pada masa yang segera, iaitu menyebut-nyebut dan mencari kebajikan. Atau pujian dan suara orang, kemasyhuran dengan suka memberi dan kemurahan hati. Atau menarik hati orang banyak kepada perbuatan taat dan kasih sayang.

Dan sebagaimana manusia tidak akan mencampakkan hartanya dalam laut, kerana tak ada maksud baginya padanya, maka tidak juga ia akan mencampakkan hartanya dalam tangan seorang manusia, selain kerana ada maksud padanya. Maksud itu ialah yang dicarinya dan yang menjadi tujuannya.

Adapun anda, maka tidaklah anda itu yang dimaksudkan. Akan tetapi tangan anda itu alat baginya pada memegang. Sehingga berhasillah maksudnya, dari sebutan, pujian atau terima kasih atau pahala, disebabkan genggamannya anda akan harta itu. Ia telah menggunakan tenaga anda pada menggenggam, untuk sampai kpd maksud dirinya.

Jadi, orang itu berbuat baik kepada dirinya sendiri dan menerima gantian dari harta yang diberikannya, **dengan gantian** yang lebih kuat padanya dari hartanya.

Jikalau tidaklah kuatnya keuntungan itu padanya, nescaya ia tidak turun dari hartanya sekali-kali, lantaran kerana engkau. Jadi, dia itu tidak mustahak untuk disyukuri dan dicintai.